



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

Pahala Bacaan Al-Qur'an Dan Tahlil Sampai Kepada Simati

(Bahagian Akhir)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Dalil Keempat

Demikian juga dengan sembahyang ke atas jenazah boleh memberi manfaat kepada mayat itu sepertimana disebutkan dalam sebuah hadis:

()

Maksudnya: *“Barang siapa yang disembahyangkan oleh tiga saf (jema‘ah) maka wajib (baginya mendapat keampunan).”*

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)

Jelaslah menurut hadis ini bahawa jika mayat disembahyangkan dengan bilangan keramaian jema‘ah tiga saf maka si mayat itu berhak mendapatkan keampunan dari Allah *Ta‘ala*.

Jika orang yang bersembahyang jenazah itu sampai bilangannya tiga saf maka mayat itu berhak mendapat keampunan. Sembahyang jenazah itu dilakukan oleh orang yang masih hidup tetapi boleh memberi manfaat keampunan kepada orang yang sudah meninggal. Ini juga dalil bahawa amal orang yang masih hidup

boleh memberi manfaat pahalanya itu kepada orang yang sudah meninggal.

Dalil Kelima

Berdoa juga boleh memberi manfaat kepada mayat sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh ‘Usman bin ‘Affan *Radhiallahu ‘anhu*:

:

()

Maksudnya: “Adalah Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam ketika telah selesai menguburkan mayat, Baginda berdiri lalu bersabda: “Mohonlah keampunan bagi saudaramu ini, dan mohonlah agar diberi ketetapan (dalam menjawab soalan-soalan kubur), kerana dia sekarang sedang disoal.”

(Hadis riwayat Abu Daud)

Dalam Kitab *Asnaa al-Mathalib* adalah disunatkan bagi sesiapa yang menghadiri pengkebumian mayat di tanah perkuburan ataupun selepasnya supaya berdiri di sisi kubur lalu memohon keampunan kepada Allah dan mendoakan mayat itu sepertimana disebutkan dalam hadis ini, begitu juga membacakan mayat itu ayat-ayat al-Qur’an bahkan jika khatam adalah lebih baik. Maka jelaslah bahawa doa dari orang yang hidup itu berfaedah untuk orang yang sudah meninggal.

Dalil Keenam

Bersedekah juga boleh memberi manfaat kepada simati. Perkara ini ada disebutkan oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullahu Ta'ala* dalam kitab *Syarah an-Nawawi 'Ala Muslim* dengan berkata:

Ertinya: *“Barang siapa yang hendak berbuat kebajikan kepada ibu bapanya, dia boleh bersedekah untuk keduanya, dan pahala sedekah itu sampai kepada mayat, dan mayat mendapat manfaat daripadanya tanpa ada khilaf (pertikaian) antara kaum muslimin dan inilah pendapat yang benar.”*

Imam an-Nawawi *Rahimahullahu Ta'ala* seterusnya berkata lagi:

Ertinya: *“Adapun yang dikhabarkan oleh Qadhi Abu Hasan al-Mawardi al-Bashri al-Faqih asy-Syafi'e dalam kitabnya al-Hawi, bahawa sebahagian para sahabat berpendapat bahawa mayat tidak akan menerima pahala sesudah matinya, adalah mazhab bathil (salah) tanpa syak, kesalahannya jelas nyata berlawanan dengan nash-nash Kitabullah, sunnah dan ijma' ummat, maka janganlah perhatikan dan cenderung pada (pendapat itu).”*

Imam asy-Syafi'e *Rahimahullahu Ta'ala* berkata mengenai luasnya kelebihan atau kemurahan Allah *Ta'ala* itu dalam perkara sedekah adalah kerana orang yang diniatkan pahala sedekah itu juga akan mendapat pahala.

Para sahabat Imam asy-Syafi'e *Rahimahumullahu Ta'ala* berkata dalam kitab *Fath al-Mu'in* bahawa sunat meniatkan sedekah itu untuk kedua ibu bapa kerana Allah *Ta'ala* akan memberi pahala ke atas keduanya tanpa mengurangkan sedikitpun dari ganjaran pahala sedekah itu.

Maka jelaslah bahawa dengan dalil-dalil yang disebutkan sebelum ini, pahala bacaan al-Qur'an dan zikir seperti tahlil yang kita bacakan itu akan sampai kepada si mati dengan membacakan al-Qur'an dan tahlil itu di sisinya, atau di atas kuburnya, atau pembacanya meniatkan pahala bacaannya itu kepada si mati dan berdoa setelah membaca al-Qur'an dengan menghadiahkan pahala bacaannya kepada si mati.

Contoh doa yang selalu dibaca ialah:

"

"
...

Ertinya: *"Ya Allah, Jadikanlah dan sampaikanlah pahala apa yang telah kami bacakan daripada al-Qur'an al-'Azhim ini, apa yang kami tahlilkan ini, apa yang kami tasbihkan ini, apa yang kami shalawatkan ke atas Nabi Shallallahu `alaihi wasallam, kepada roh fulan..."*

Maka menurut pendapat ulama-ulama sepertimana diterangkan sebelum ini bahawa amalan kaum muslimin ketika menziarahi tanah perkuburan dengan membacakan beberapa ayat al-Qur'an, bertahlil, bertasbih, bershalawat kemudian salah seorang dari mereka berdoa dengan berharap semoga pahala bacaan itu akan sampai kepada roh simati adalah tidak bertentangan dengan syara' bahkan dituntut berdasarkan dalil-dalil yang kukuh.